KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA (Rencana)			
TARIKH	:	24/10/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	KeTSA			



MINDA AHAD
Oleh Mohd Rauzmy Ridzuan

Ekopelancongan lonjak ekonomi

SEKTOR pelancongan sentiasa menjadi agenda utama kerajaan dalam pembangunan ekonomi negara kerana keupayaannya menjana pulangan yang lumayan dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat terutamanya dalam sektor perkhidmatan. Namun, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha membendung penularan Covid-19 setahun lalu menyebabkan sektor ini semakin lesu dengan mencatatkan kerugian hampir RM 100 bilion sehingga penghujung 2020.

Dalam RMK Ke-12, sektor pelancongan dijangka pulih dengan sasaran pertumbuhan 3.8 peratus. Sudah pasti ekopelancongan mampu menjadi 'ayam tambatan' menghidupkan semula sektor pelancongan dalam negara.

Negara Barat seperti Switzerland, Sweden dan Perancis menjadikan ekopelancongan sebagai daya tarikan utama sektor pelancongan. Negara-negara seperti India, Vietnam dan Malaysia juga memberi penekanan kepada ekopelancongan kerana sektor ini berpotensi untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan pada masa sama memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi terjamin.

Negara beriklim tropika dengan kedudukan strategik yang teletak di garisan khatulistiwa dan ditambah pula dengan status negara ke-12 teratas kaya dengan kepelbagaian biologi di dunia sudah pasti menambat hati para pelancong untuk menjadikan Malaysia sebagai 'tubuk' percutian mereka.

Usaha ke arah memartabatkan ekopelancongan bermula sejak 1996 lagi apabila kerajaan mengenal pasti 10 lokasi istimewa untuk diwartakan sebagai kawasan ekopelancongan dan dilaksanakan secara serius melalui penubuhan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (2016-2025) pada 2015. Bagi mengukuhkan industri pelancongan negara, kerajaan memperkenalkan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030 yang mana ekopelancongan menjadi salah satu penyumbang kepada kejayaan dasar itu.

Bagaimanapun, negara berdepan dengan pelbagai cabaran dalam merealisasikan impian menjadikan Malaysia sebagai destinasi pertama bagi aktiviti bersifat ekopelancongan. Sistem pengurusan pengunjung yang tidak berfungsi dengan baik dan cekap boleh merencatkan pencapaian matlamat utama ekopelancongan. Kelemahan dari segi sistem pemantauan pelancong menyukarkan pengurusan pelancongan untuk menilai impak kehadiran manusia ke atas kelestarian biodiversiti yang ada. Kegiatan pelawat yang tidak diuruskan secara lestari melalui juga boleh membawa kesan negatif terhadap alam semula jadi seperti yang berlaku di Pulau Perhentian, Terengganu yang mana kebanyakan terumbu karang terjejas teruk akibat aktiviti pelancongan tidak terkawal.



ORANG ramai perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketika melancong bagi mengelakkan penularan pandemik Covid-19.

Ketidaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan di beberapa lokasi pelancongan juga antara isu yang perlu diperhalusi bersama. Ketidaksamaan gender ini berlaku dalam pelbagai sudut termasuklah perbezaan penerimaan upah dan juga peluang dan akses untuk memperoleh kemahiran baru. Pekerja wanita kebanyakannya terikat dengan pekerjaan bersifat domestik tradisional seperti menjadi tukang masak, pembantu kedai dan menjalankan kerja-kerja pembersihan manakala pekerja lelaki mendominasi peranan-peranan teknikal yang mempunyai gaji tinggi dan membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan pelancong.

Lain pula dengan apa yang berlaku di Kenya yang mana wanita diperkasakan untuk terlibat secara aktif dalam sektor ekopelancongan. Di Costa Rica pula, wanita diberikan kepercayaan terlibat dalam proses membuat keputusan dan memiliki akses dan kawalan terhadap sumber dalam sektor ekopelancongan.

Produk ekopelancongan yang kurang berkualiti di taman hidupan liar, pengawalan keselamatan ke atas pengunjung yang lemah dan kemudahan infrastruktur yang tidak mencukupi mungkin boleh membawa kemerosotan jumlah pelancong. Aktiviti pembalakan yang dijalankan secara berleluasa dan pengambilan hasil hutan secara haram akan menghilangkan seri panorama dan ekosistem hutan. Selain itu, pembangunan ekopelancongan di kawasan pinggir pantai yang tidak dirancang secara lestari boleh mengancam ekosistem marin dan berlakunya perubahan topografi persekitaran.

Pengurusan ekopelancongan yang mampan dan berkualiti dari segi infrastruktur, kebersihan, pemantauan aktiviti pelancong, penyelenggaraan dan perkhidmatan pelanggan diperlukan bagi memacu sektor ekopelancongan negara. Dalam konteks ini, kepasasan pelancong perlu diberi keutamaan agar mereka terpanggil untuk kembali ke tempat itu dan sanggup memberi promosi percuma kepada pelancong lain.

Selain itu, golongan wanita perlu diperkasakan dalam sektor ekopelancongan bagi memastikan pembangunan komuniti itu berlangsung secara menyeluruh tanpa mengira gender. Sekiranya wanita diperkasakan, ia dapat membantu meningkatkan pendapatan keluarga dan perkara sebegini sudah pasti dapat meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya yang tinggal di luar bandar.

Penguatkuasaan undang-undang harus diperhebatkan demi memelihara dan memulihara khazanah alam yang selama ini menjadi tarikan pelancong. Aktiviti pemburuan dan pengambilan sumber alam semula jadi secara haram harus dibanteras habis-habisan. Di Costa Rica, kualiti persekitaran semula jadi yang baik berjaya meningkatkan jumlah pelancong di negara itu sebanyak 400 peratus.

Selain garis panduan yang ditetapkan kerajaan, setiap pelancong juga perlu akur dengan garis panduan yang ditetapkan Allah SWT yang ada dinyatakan di dalam al-Quran iaitu tegahan berlaku zalim kepada makhluk ciptaan Allah, keperluan menjaga kebersihan dan keindahan alam.

Dasar Pelancongan Negara yang diperkenalkan kerajaan baru-baru ini perlu diselaraskan dengan dasar-dasar kerajaan lain seperti Dasar Kebersihan Negara, Rancangan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan, Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Dasar Keselamatan Negara supaya sinergi sektor pelancongan dapat dipertingkatkan tanpa merobek ekosistem lain.

PENULIS ialah Pensyarah Dasar Awam di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub.

MALAYSIA KITA — MARO

